

21/09/1997

PM akan bantu atasi isu bekas ahli S46

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi jaminan akan menyelesaikan masalah kemasukan bekas ahli Semangat 46 (S46) ke dalam Umno secepat mungkin.

Dr Mahathir membuat jaminan itu dalam pertemuan dengan bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah, sebelum Perdana Menteri berlepas ke Hong Kong untuk menghadiri Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia), semalam.

Tengku Razaleigh berkata, masalah itu sudah lama timbul tetapi beliau sengaja tidak mahu bertemu Presiden Umno itu kerana bimbang disalah anggap sebagai mahu menubuhkan pakatan tertentu.

"Apabila saya memberitahunya masih ramai bekas ahli S46, termasuk di kawasan saya belum diterima ke dalam Umno, Dr Mahathir sebaliknya memberitahu daripada apa yang dia faham, mengikut taklimat yang diterimanya, segala-galanya sudah selesai," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan buku *The Merican Clan: A Story of Courage and Destiny* di sini, semalam.

Pada 4 September lalu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata kemasukan bekas ahli S46 ke dalam Umno tidak timbul lagi.

(END)